



3R

Nasihah

BUAT SEMUA

RACE | ROYAL | RELIGION

272
IA

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada **PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD**



.....
© 3R: NASIHAT BUAT SEMUA

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, Julai 2024

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

	Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia ISBN 978-967-2739-59-3
--	---

Muka Taip Teks: Cambria
Saiz Muka Taip: 11

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi
YB Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Haji Mohd Adram Musa

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Abdul Malik Ab Razak

KETUA PEGAWAI OPERASI

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA PEGAWAI KORPORAT

Siti Nurul Afiqah Sazali

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN EDITORIAL

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin
Mohamad Afiq Faiz Mohamad Sabri

JABATAN KREATIF

Nurul Afiqah Yustri

JABATAN PEMASARAN

Alfian Choiri Akma Mohd Hopor

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhsan Nasyrid Salihin

REKA LETAK & ATUR HURUF

Aqilah Farhana Mohd Azahari

Diterbitkan dan diedarkan oleh:

Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
D-04-02, Cybersquare,
Jalan Teknorat 6, Cyber 5,
63000 Cyberjaya, Selangor.
011-20907008

Dicetak oleh:

Percetakan Adab Sdn. Bhd
No 4, Jalan PBS 14/1A, Taman
Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
03-89458688

297-272
AHA

SIRI PEMIKIRAN ISLAM



3R

Nasihah

BUAT SEMUA

RACE | ROYAL | RELIGION



TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT	VI
MUQADDIMAH	I
SENTIMEN AGAMA (<i>RELIGION</i>)	16
MENGAPA ISLAM MEMIMPIN?	24
SENTIMEN PERKAUMAN (<i>RACE</i>)	32
SENTIMEN ISTANA (<i>ROYAL</i>)	42
KEBEBASAN ISLAM MENDAHULUI DEMOKRASI BARAT	54
BIODATA PENULIS	64

“

Rakyat berbagai-bagai bangsa dan agama wajib ditadbir oleh pemerintah yang mewajibkan Islam memimpin, sama ada secara sistem khilafah atau sistem Raja Berperlembagaan. Semuanya dinyatakan oleh al-Quran. Pelaksanaan Islam yang berdaulat atau berkuasa adalah amanah Allah yang wajib ditunaikan dengan adil kepada seluruh alam berkonsepkan dakwah, nasihat, amar ma'ruf dan nahi munkar.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

”

KATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Sesungguhnya, segala kepujian adalah bagi Allah, Tuhan Pentadbir dan Penguasa seluruh sarwajagat. Kepada-Nya kita memuji, memohon pertolongan, dan meminta pengampunan. Kita memohon perlindungan-Nya daripada segala kejahatan diri kita dan keburukan amal kita. Sesiapa yang dikurniakan hidayah oleh Allah, nescaya dia tidak akan sesekali disesatkan, manakala sesiapa yang disesatkan, nescaya dia tidak akan sesekali dikurniakan hidayah.

Islam menggariskan prinsip dan dasar yang jelas serta menyeluruh dalam menguruskan setiap aspek kehidupan manusia. Prinsip ini memelihara setiap tindakan dan memandu perjalanan hidup manusia agar bergerak seiring dengan acuan wahyu, di samping tetap meraikan peranan akal yang waras. Maka, ajaran Islam itu sesuai pada setiap zaman dan tempat.

Antaranya, prinsip yang digariskan oleh Islam dalam aspek politik atau pemerintahan Islam yang dinamakan *Siasah Syar'iyah*. Prinsip keadilan untuk semua, menasihati semua, mengadakan syura, menegakkan amar ma'ruf nahi munkar dan lain-lain semuanya merupakan perkara teras politik dalam Islam yang wajib dilaksanakan.

Namun, hari ini perkara tersebut semakin terhakis kerana kerosakan yang berlaku dalam kalangan masyarakat dan negara. Sesungguhnya, peranan dan perjuangan untuk memperbaiki segala kerosakan yang berlaku dalam mentadbir urus sesebuah negara merupakan suatu perkara yang menjadi jihad semasa seluruh umat Islam.

KATA PENERBIT

Tindakan pihak kerajaan yang mengenakan larangan dan tindakan terhadap mana-mana pihak yang membangkitkan isu 3R merupakan suatu perbuatan yang tidak demokratik dan sekali gus bercanggah dengan Islam. Hal ini merupakan masalah yang sangat serius kerana ketiga-tiga perkara yang dilarang ialah teras yang dijamin dalam Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang mengarang karya yang padat dan tuntas ini bagi menunaikan tugas dan peranan menasihati dengan panduan agama kepada semua pihak. Pengarang memberikan tasawur yang betul dalam memahami peranan agama, rakyat dan pemerintah bagi mengatasi kelemahan makhluk manusia yang berhajat kepada hidayah Allah.

Untuk itu, kami dengan rendah diri bersyukur dan memohon doa, sokongan, dan dukungan yang tidak berbelah bahagi daripada para pembaca setia kami yang budiman! Mudah-mudahan, Allah mengganjari kita dengan sebaik-baik pembalasan atas setiap usaha kita bersama. Amin ya Allah.

وصلی الله علی محمد وعلی آله وصحبه وسلم،
والحمد لله رب العالمین.

PUSTAKA PERMATA UMMAH

“

Larangan 3R hanyalah berwawasan dunia yang sempit dalam jangka masa yang singkat, tidak luas dan tidak panjang bagi memenuhi tempoh kehidupan manusia yang tidak tamat dengan berakhirnya alam dunia tanpa berterusan sehingga ke akhirat yang kekal selama-lamanya, sama ada ke syurga atau ke neraka.

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

”

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

"Demi masa! (1) Sesungguhnya, manusia itu benar-benar dalam kerugian. (2) Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh; serta nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menetapi kesabaran. (3)"¹

Aspek berpesan-pesan dalam ayat di atas ditafsirkan oleh hadis Rasulullah SAW melalui sabdanya:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ. قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأُمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ.

"Agama itu nasihat.' Kami bertanya, 'Bagi siapa?' Sabdanya, 'Bagi Allah, Kitab-Nya, Rasul-Nya, para pemimpin (pemerintah atau ketua negara) dan juga orang ramai.'"²

¹ Surah al-'Asr: 1-3.

² Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, No. 55, daripada Tamim al-Dari.

Manusia ialah makhluk yang hidup bermasyarakat mengikut fitrahnya. Hal ini menunjukkan kesempurnaan Islam menjadi petunjuk Allah yang terpelihara dengan panduan ajaran yang sempurna berdasarkan kitab Allah yang menjadi petunjuk.

Seterusnya dilaksanakan oleh para pemimpin dan rakyat umum yang berbangsa dan beragama. Bercirikan aqidah keimanan yang diyakini, serta pelaksanaan amal oleh setiap orang penganutnya, sama ada rakyat berbagai-bagai bangsa dan pemimpin, bersama melakukan muhasabah, pesanan dan nasihat membetulkan kehidupan dengan agama Islam dan sabar dalam menghadapi cabaran perjuangan.

Allah SWT melaknat umat-umat terdahulu, apabila mereka membisu terhadap kemungkaran yang berlaku. Perkara ini dinyatakan oleh firman-Nya:

لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ
وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ
﴿٧٨﴾ كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ
مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

"Orang-orang kafir daripada kalangan Bani Isra'il telah dilaknat (dalam kitab Zabur dan Injil) melalui lisan Dawud dan 'Isa bin Maryam. Yang demikian itu, disebabkan mereka derhaka dan selalu melampaui batas. (78) Mereka antara satu sama lain sentiasa bersikap tidak melarang perbuatan mungkar yang mereka lakukan. Sesungguhnya, amat buruklah apa yang sentiasa mereka lakukan itu. (79)"³

³ Surah al-Ma'idah: 78-79.

Kemungkaran itu berlaku dalam segala aspek kehidupan manusia pada semua peringkat, urusan dan pergerakan manusia. Oleh itu, mereka wajib menjaga sempadan Allah dalam semua urusan, demi kebaikan mereka dengan rahmat Allah.

Maka, kenyataan yang dibuat berkenaan larangan 3R adalah suatu tindakan yang menyekat kewajipan menasihati. Bahkan, juga menghalang kewajipan melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar yang bergerak dalam semua langkah dan tindakan manusia yang hidup secara bermasyarakat yang memerlukan penjelasan.

Maksud 3R ialah:

Religion: Sentimen Agama

Race: Sentimen Perkauman

Royal: Sentimen Istana

Alasan larangan menyentuh isu 3R ini dinyatakan apabila dikatakan terdapat sebahagian pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab menggunakan konsep 3R ini untuk tujuan yang salah. Malah, dianggap menyebabkan rakyat hilang fokus terhadap masalah utama yang dihadapi mereka, khususnya isu kemiskinan dan juga isu semasa rakyat yang dianggap menjadi rukun hidup yang paling utama.

Demikianlah hujah yang dikemukakan oleh semua ideologi ciptaan manusia yang berlandaskan fahaman kebendaan dan duniawi semata-mata. Kesemua ideologi itu tidak mempunyai sebarang kaitan dengan aspek rohani, aqidah dan akhlak, individu, keluarga dan masyarakat yang berkait dengan segala aspek fitrah manusia secara menyeluruh.

Hal ini menyebabkan apa yang dilakukan adalah tidak memenuhi kerangka *maqasid al-syari'ah* secara menyeluruh mengikut senarai keutamaannya seperti berikut:

1. Menjaga agama. (حفظ الدين)
2. Menjaga nyawa. (حفظ النفس)
3. Menjaga akal. (حفظ العقل)
4. Menjaga zuriat keturunan. (حفظ النسل)
5. Menjaga harta. (حفظ المال)
6. Menjaga maruah.⁴ (حفظ العرض)

Segala perkara di atas merupakan mata rantai yang tidak terpisah antara satu sama lain, malah ia tidak boleh diputuskan atau dirosakkan apabila tidak ada muhasabah dan kawalan, serta tindakan. Semua aspek dalam kehidupan manusia tetap berkait dengan konsep ibadat, baik dan buruk termasuk soal halal dan haram yang wajib dipantau, bukan sahaja dalam urusan ibadat.

Larangan 3R hanyalah berwawasan dunia yang sempit dalam jangka masa yang singkat, tidak luas dan tidak panjang bagi memenuhi tempoh kehidupan manusia yang tidak tamat dengan berakhirnya alam dunia tanpa berterusan sehingga ke akhirat yang kekal selamanya, sama ada ke syurga atau ke neraka.

Termasuk dalam aspek ekonomi yang dianggap hal keduniaan kerana hisab Allah juga mengambil kira dari manakah sumber harta itu diperolehi, bagaimana cara mengambilnya, ke mana penggunaannya dan bagaimana pengurusannya. Keadaan ini menunjukkan apa yang berlaku bukan sahaja berkait masalah kemiskinan, kerana kekayaan juga mempunyai masalahnya.

⁴ Ibn 'Asyur, *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Jld. 3, Hlm. 18. Kebanyakan ulama' hanya menyatakan lima perkara sahaja, namun terdapat sebahagiannya menambah memelihara maruah sebahagian daripada prinsip *maqasid al-syari'ah*.

Sabda Rasulullah SAW:

قَوَالَهُ مَا الْفَقْرَ أَخْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكِنِّي أَخْشَى عَلَيْكُمْ أَنْ تَبْسُطَ
الدُّنْيَا عَلَيْكُمْ، كَمَا بُسِطَتْ عَلَى مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، فَتَنَافَسُوهَا كَمَا
تَنَافَسُوهَا، وَتُهْلِكُكُمْ كَمَا أَهْلَكْتَهُمْ.

"Demi Allah! Aku tidak merasa risau jika kamu ditimpa kemiskinan, tetapi yang lebih merisaukan aku jika kamu dihadirkan dengan kemewahan kehidupan dunia seperti yang dikurniakan kepada umat terdahulu, lalu disebabkan itu kamu berkelahi seperti mereka. Lalu ia akan membinasakan kamu sepertimana ia dahulu pernah membinasakan mereka."⁵

Justeru, banyak masalah yang dihadapi adalah disebabkan kelalaian dan tidak bersyukur. Hal ini demikian disebabkan ramai orang yang boleh bersabar, namun sedikit sahaja mereka yang bersyukur. Firman Allah SWT:

... وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرِينَ

"...Dan hakikatnya, sedikit sekali dalam kalangan hamba-Ku yang berterima kasih (bersyukur kepada Allah)."⁶

Kenyataan yang dibuat mengenai larangan 3R adalah bersifat politik sekular yang terpisah daripada agama dan terlepas cakap tanpa merujuk kepada Islam yang menjadi agama bagi Persekutuan dan Perlembagaan Persekutuan yang berkonsep demokrasi dan Raja Berperlembagaan yang demokratik tidak membelenggu pergerakan

⁵ Muttafaq 'Alaih: Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Riqaq, No. 6425 dan Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Zuhd wa al-Raqa'iq, No. 2961 daripada 'Amr bin 'Auf.

⁶ Surah Saba': 13.

rakyat. Sekiranya aspek tersebut dinafikan, sudah pasti akan menjadikan sesebuah pentadbiran itu jumud atau melampaui batas sehingga menyebabkan kerosakan.

Islam ialah petunjuk Allah yang sempurna dan bersifat wasatiyyah kepada manusia yang diberikan beberapa tugas seperti berikut:

1. Beribadat hanya kepada Allah SWT sahaja. (العبادة)
2. Mentadbir urusan dunia dengan petunjuk agama Allah secara beristiqamah. (الخلافة)
3. Beramanah bagi menunaikan kewajipan untuk menegakkan konsep adil kepada semua dalam segala aspek dengan cara yang betul mengikut petunjuk Allah sebagai Pencipta alam. (الأمانة)

Semua urusan yang disebutkan di atas menjadi ujian kepada seluruh manusia secara khusus, berdasarkan fitrah kejadiannya yang dikawal mengikut sempadan Allah yang melimpah-ruah rahmat-Nya. Kelak, semua perkara itu akan dihisab pada Hari Akhirat. Firman Allah SWT:

تَبْرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ
الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾

*“Maha Suci Allah yang pada tangan-Nya sahajalah segala kerajaan (pemerintahan di dunia dan di akhirat), dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. (1) Dialah yang menjadikan mati dan hidup untuk Dia menguji kamu bahawa siapa antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun. (2)”*⁷

⁷ Surah al-Mulk: 1-2.

Seseorang itu perlu dihisab di dunia dahulu, sebelum masing-masing dihisab di akhirat kelak. Sesungguhnya, larangan 3R yang dikenakan hakikatnya menafikan perlunya hisab di alam dunia, kerana jika tidak dihisab kelak akan membawa penyesalan yang tidak berguna lagi pada Hari Akhirat. Firman Allah SWT:

إِذْ تَبَرَّأَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا مِنَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ
وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿١٦٦﴾ وَقَالَ الَّذِينَ اتَّبَعُوا لَوْ أَنَّا
كُنَّا فَتَبَرَّأْنَا مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّأُوا مِنَّا كَذَلِكَ يُرِيهِمُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ
حَسْرَاتٍ عَلَيْهِمْ وَمَا هُمْ بِخَارِجِينَ مِنَ النَّارِ ﴿١٦٧﴾

“(Iaitu) ketika orang-orang yang diikuti itu berlepas diri daripada orang-orang yang mengikutinya, dan mereka kedua-duanya melihat seksa itu; dan (ketika itu) segala hubungan antara mereka terputus sama sekali. (166) Dan berkatalah orang-orang yang menjadi pengikut, ‘Seandainya kami diberikan kesempatan dapat kembali (ke dunia), pasti kami akan berlepas diri daripada mereka, sebagaimana mereka berlepas diri daripada kami (pada saat ini).’ Demikianlah Allah memperlihatkan kepada mereka amal perbuatan mereka menjadi sesalan bagi mereka; dan mereka sekali-kali tidak akan dapat keluar dari neraka. (167)”⁸

Para rasul dilantik daripada kalangan manusia terbaik yang menjadi pilihan Allah, bersama mereka kitab-kitab yang diwahyukan menjadi petunjuk dalam segala aspek agama, bangsa dan negara meliputi segala lapangan kehidupan. Dalam pada itu, semua pihak dalam kalangan pemerintah dan rakyat pula, diwajibkan menyampaikan dan melaksanakannya berpandukan petunjuk

⁸ Surah al-Baqarah: 166-167.

agama Allah. Pada masa yang sama, kedua-dua pihak bersama-sama menghadapi cabaran kerana terdapat golongan penentangannya.

Firman Allah SWT:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ
وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِي مَا اخْتَلَفُوا
فِيهِ وَمَا اخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ
الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَا اخْتَلَفُوا فِيهِ
مِنَ الْحَقِّ بِإِذْنِهِ ۗ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢١٣﴾
أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا
مِنْ قَبْلِكُمْ مَسْتَهْمِبِينَ ۗ وَالْبَأْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ وَرُبُّهُمُ أَلَّا يَقُولَ الرَّسُولُ
وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللَّهِ ۗ أَلَا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ ﴿٢١٤﴾

"Pada mulanya manusia itu merupakan umat yang satu. (Akan tetapi setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para nabi sebagai pemberi peringatan (khabar gembira dan amaran), dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab (yang mengandungi keterangan) yang benar untuk memberi keputusan antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan. (Sebenarnya) tidaklah berselisih tentang Kitab itu melainkan orang yang telah didatangkan kepada mereka Kitab, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, kerana hasad dengki sesama sendiri. Maka, Allah memberi petunjuk kepada orang-orang yang beriman tentang kebenaran yang mereka perselisihkan itu dengan kehendak-Nya. Dan Allah sentiasa memberi petunjuk

orang yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus. (213) Adakah kamu mengira bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum datang kepadamu (cubaan) sebagaimana halnya orang-orang terdahulu sebelum kamu? Mereka ditimpa oleh malapetaka dan kesengsaraan, serta digoncangkan (dengan bermacam-macam cubaan) sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman bersamanya, 'Bilakah datangnya pertolongan Allah?' Ingatlah, sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat. (214)'⁹

Munculnya dalam kalangan pihak pemerintah (raja atau pemimpin) yang meninggalkan petunjuk Allah dan mencipta perkara yang tidak diizinkan oleh-Nya yang wajib dikritik, demi kebaikan bersama dan untuk menyelamatkan semua.

Sabda Nabi Muhammad SAW:

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِالْأَمِيرِ خَيْرًا، جَعَلَ لَهُ وَزِيرَ صِدْقٍ، إِنْ نَسِيَ ذِكْرَهُ،
وَإِنْ ذَكَرَ أَعَانَهُ، وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهِ غَيْرَ ذَلِكَ جَعَلَ لَهُ وَزِيرَ سُوءٍ، إِنْ
نَسِيَ لَمْ يُذَكِّرْهُ، وَإِنْ ذَكَرَ لَمْ يُعْنَهُ.

"Apabila Allah menghendaki kebaikan bagi seseorang raja atau pemimpin itu, nescaya dijadikan bersamanya pembantu (menteri atau penasihat) yang benar dan ikhlas (baik). Jika raja itu lupa atau leka, nescaya diberikan peringatan. Sekiranya raja itu beringat, nescaya akan diberikan bantuan kepadanya. Sebaliknya, apabila Allah menghendaki keburukan terhadap seseorang raja itu, nescaya dijadikan bersamanya pembantu (menteri atau penasihat) yang jahat. Jika raja itu lupa dan lalai, nescaya tidak akan diberikan peringatan. Dan sekiranya

⁹ Surah al-Baqarah: 213-214.

*raja itu beringat, nescaya tidak akan diberikan bantuan kepadanya.*¹⁰

Oleh yang demikian, berlaku perlawanan antara dua kumpulan manusia yang mementingkan dunia tanpa akhirat dan kumpulan yang melihat ke arah dunia dan akhirat. Perkara ini dinyatakan oleh firman Allah SWT:

...فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا وَمَا
 لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ ﴿٢٠٠﴾ وَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ رَبَّنَا
 إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ
 النَّارِ ﴿٢٠١﴾ أُولَٰئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ
 ﴿٢٠٢﴾

“...Maka, antara manusia ada orang yang berdoa, ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami (kebaikan) di dunia!’ dan tiada baginya sedikit pun bahagian (yang menyenangkan) di akhirat. (200) Dan antara mereka ada pula orang yang berdoa, ‘Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada seksaan neraka!’ (201) Mereka itulah orang-orang yang mendapat bahagian yang baik daripada apa yang mereka usahakan; dan Allah sangat cepat perhitungan-Nya. (201)”¹¹

¹⁰ Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab *al-Imarah wa al-Kharaj wa al-Fai'*, No. 2932, daripada 'Aisyah. Boleh rujuk hadis pada halaman 51.

¹¹ Surah al-Baqarah: 200-202.

Allah menetapkan berlakunya perlawanan antara dua pihak tersebut. Dalam keadaan itu, Islam mengutamakan cara damai, memberi nasihat, dan mengamalkan kebebasan bersuara.

Al-Quran membawa cerita benar yang menjadi iktibar daripada perjuangan para rasul dan anbiya' mengikut petunjuk Allah yang berurusan dunia sehingga akhirat. Adapun pihak yang menentang perjuangan mereka sepanjang zaman pula berkonsepkan keduniaan semata-mata, sehingga melampaui batas dan membawa kemusnahan bersama yang tidak boleh dibiarkan.

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا
الطَّاغُوتَ ۖ فَمِنْهُمْ مَّنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَّنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ
الضَّلَالَةُ ۖ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ
الْمُكذِّبِينَ ﴿٣٦﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah mengutuskan seorang rasul untuk setiap umat (dengan menyeru mereka), 'Sembahlah Allah (sahaja), dan jauhilah taghut itu.' Maka, dalam kalangan umat itu ada orang-orang yang diberikan petunjuk oleh Allah dan ada pula antaranya orang-orang yang telah pasti kesesatan baginya. Maka, berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah bagaimana kesudahan orang-orang yang mendustakan (para rasul)."¹²

¹² Surah al-Nahl: 36.

Al-Quran menyediakan garis panduan agama kepada seluruh rakyat dan pemerintah dengan nyata dan jelas. Menetapkan takrif agama, bahawa Islam wajib ditegakkan dengan hujah kerana kesempurnaan ajarannya. Rakyat berbagai-bagai bangsa dan agama wajib ditadbir oleh pemerintah yang mewajibkan Islam memimpin, sama ada secara sistem khilafah atau sistem Raja Berperlembagaan.¹³ Semuanya dinyatakan oleh al-Quran.

Pelaksanaan Islam yang berdaulat atau berkuasa adalah amanah Allah yang wajib ditunaikan dengan adil kepada seluruh alam berkonsepkan dakwah, nasihat, amar ma'ruf dan nahi munkar. Maka, Islam menentang kalangan diktator yang menghalang konsep ini dalam semua perjuangan para rasul dan anbiya' AS yang dinyatakan oleh al-Quran sebagai petunjuk sepanjang zaman.

Selain itu, Allah mewajibkan adanya kumpulan Islam sepanjang zaman, tidak tamat dengan ketiadaan para rasul dan anbiya'. Firman Allah SWT:

وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
 وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

"Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada perkara yang ma'ruf dan mencegah daripada perkara yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang berjaya dan selamat."¹⁴

¹³ Boleh rujuk karya penulis yang berjudul *Islam Dalam Negara Masyarakat Majmuk* untuk huraian yang lebih terperinci.

¹⁴ Surah Ali 'Imran: 104.

Islam memberi kebebasan terhadap konsep nasihat dan bersuara dengan sempadan dan adabnya, tanpa hanyut seperti kefahaman golongan liberal yang kini sedang meruntuhkan tamadun Barat yang telah mereka bina.

Umat Islam dipilih menjadi sebaik-baik umat kerana melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar, serta nasihat dengan lisan, tulisan dan kuasa pemerintah. Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ
أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

"Kamu ialah umat terbaik yang dilahirkan untuk umat manusia (kerana) kamu menyuruh kepada perkara yang ma'ruf, dan kamu mencegah daripada perkara yang mungkar, serta kamu beriman kepada Allah. Dan sekiranya Ahli Kitab itu beriman, tentulah (keimanan) itu lebih baik bagi mereka. Ada antara mereka yang beriman, tetapi kebanyakan mereka orang-orang yang fasiq."¹⁵

Semua urusan wajib dilakukan muhasabah yang mewajibkan adanya pihak yang bersuara dan bertindak. Maka, larangan 3R adalah tindakan yang dipengaruhi sikap Ahli Kitab yang menyesatkan supaya kesilapan akibat kelemahan manusia dibiarkan berlaku tanpa panduan dan pembetulan. Allah memberi amaran dengan firman-Nya:

¹⁵ Surah Ali 'Imran: 110.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنْ تُطِيعُوْا فَرِيْقًا مِّنَ الَّذِيْنَ اُوْتُوْا الْكِتٰبَ
يُرِدُّوْكُمْ بَعْدَ اِيْمٰنِكُمْ كٰفِرِيْنَ ﴿١٠﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu mengikuti sebahagian puak daripada kalangan orang-orang yang diberikan al-Kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang kafir sesudah kamu beriman.”¹⁶

Perkataan kufur dalam ayat di atas bermaksud ingkar terhadap petunjuk Allah dan sempadannya, kerana melanggar sempadan Allah akan merosakkan kehidupan manusia. Semua peranan tersebut berhubung kait dengan agama, bangsa dan pihak yang memerintah yang dinamakan pemimpin atau raja yang berperanan dalam kehidupan manusia.

Maka, inilah penjelasan ringkas betapa peranan agama, rakyat dan pemerintah bagi mengatasi kelemahan makhluk manusia yang berhajat kepada hidayah Allah. Sehingga didoakan dalam setiap rakaat solat, sebagaimana firman Allah SWT:

اِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِيْنَ اَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ
غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّيْنَ ﴿٧﴾

“Tunjukilah kami jalan yang lurus. (6) (Iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau berikan ni‘mat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat. (7)”¹⁷

¹⁶ Surah Ali ‘Imran: 100.

¹⁷ Surah al-Fatihah: 6-7.

“

Islam memberi kebebasan terhadap konsep nasihat dan bersuara dengan sempadan dan adabnya, tanpa hanyut seperti kefahaman golongan liberal yang kini sedang meruntuhkan tamadun Barat yang telah mereka bina. Umat Islam dipilih menjadi sebaik-baik umat kerana melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar, serta nasihat dengan lisan, tulisan dan kuasa pemerintah.

Rujukan: Guru Haji **Abdullah bin Awang**

”



3R *Nasihah* BUAT SEMUA

SINOPSIS

Buku ini menyentuh prinsip Islam dalam menanggapi peranan agama, rakyat dan pemerintah yang menjadi perkara dasar dalam sesebuah pemerintahan. Buku ini juga menjelaskan bagaimana Islam memelihara elemen maqasid al-syari'ah, memartabatkan Islam yang menjadi agama bagi Persekutuan dan juga memelihara Perlembagaan Persekutuan yang berkonsepkan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, sehingga mencapai tujuannya mengislahkan pentadbiran sesebuah negara agar teguh mengikuti aqidah dan syariat Islam.



Memberi **nasihat dan pesan** **buat semua** secara murni dan tulus.



Menghuraikan **konsep nasihat** berpandukan acuan **Surah Al-'Asr** dan **hadis al-Din al-Nasihah** (agama itu nasihat).



Menekankan **semangat dan asas** sebenar 3R dalam **Perlembagaan Persekutuan**.

